

University of London jemput PM beri ucapan mengenai Islam

UM - 8 SEP 2003

JELI 7 Sept. -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah **dijemput** oleh University of London untuk menyampaikan ucapan mengenai Islam dan pembangunan semula umat Islam di universiti itu pada 22 September ini.

Menurut Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Abdul Hamid Othman, jemputan itu telah disampaikan oleh School of Oriental Studies universiti berkenaan.

Beliau berkata, majlis itu akan **dihadiri** oleh para intelektual dan pemikir politik, semasa dan ahli sosiologi dari seluruh dunia, termasuk negara ini.

"Perdana Menteri akan berucap di atas jemputan pihak universiti dan tajuk ucapan berkisar tentang membangun semula umat Islam," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas menyampaikan ucap-tama di Seminar Percambahan Pemikiran Islam Hadari peringkat

Kelantan di Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Lanas di sini hari ini.

Abdul Hamid menjelaskan, Dr. Mahathir kemudiannya dijadualkan akan melancarkan *Encyclopedia* of Dr. Mahathir Mohamad di Universiti Oxford, keesokannya iaitu pada 23 September ini.

Beliau berkata, buku tersebut yang ditulis dalam bahasa Arab dan Inggeris akan diperluaskan ke beberapa bahasa utama dunia lain seperti Sepanyol serta Perancis diterbitkan oleh Darul Fikir.